

**D.R. 62/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta BERNAMA 1967.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta BERNAMA (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta BERNAMA 1967 [*Akta 780*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “Lembaga”, dengan menggantikan noktah di hujung takrif itu dengan koma bernoktah; dan

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “Lembaga” takrif yang berikut:

‘ “organisasi media” ertinya mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti penyebaran berita atau bahan berita melalui surat khabar, penerbitan, radio, televisyen, atau apa-apa bentuk komunikasi massa yang lain, termasuk platform elektronik atau digital.’.

### **Pindaan seksyen 7**

#### **3. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (2)(c), dengan menggantikan perkataan “tuan punya surat khabar di Malaysia yang” dengan perkataan “organisasi media di Malaysia yang”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “tuan punya surat khabar di Malaysia yang” dengan perkataan “organisasi media di Malaysia yang”; dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “tuan punya surat khabar di Malaysia yang” dengan perkataan “organisasi media di Malaysia yang”.

### **Pindaan seksyen 10**

**4.** Perenggan 10(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “surat khabar, radio atau televisyen yang merupakan pelanggan” dengan perkataan “pelanggan”.

### **Pindaan seksyen 11**

**5.** Perenggan 11(1)(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “surat khabar di Malaysia” dengan perkataan “organisasi media di Malaysia yang merupakan pelanggan BERNAMA”.

## **Penggantian seksyen 21**

**6.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

### **“Pelanggan**

**21.** Golongan yang berikut berhak membuat perkiraan untuk mendapatkan perkhidmatan BERNAMA:

- (a) organisasi media; dan
- (b) mana-mana institusi, badan, organisasi, individu atau mana-mana pelanggan lain, yang dibenarkan oleh Lembaga.”.

## **Pindaan seksyen 25**

**7.** Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “surat khabar yang” dengan perkataan “organisasi media yang”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “surat khabar” dengan perkataan “organisasi media”.

## **Pindaan Jadual**

**8.** Jadual kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam Bahagian I—
  - (i) dalam perenggan 1—
    - (A) dengan menggantikan subperenggan (2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Anggota Lembaga yang mewakili organisasi media hendaklah memegang jawatan sebagai wakil organisasi media mereka.”; dan

- (B) dengan menggantikan subperenggan (3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Empat orang anggota Lembaga yang mewakili Kerajaan Malaysia hendaklah merupakan wakil daripada Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi dan Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri.”;

- (ii) dengan menggantikan subsubperenggan 3(2)(a) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(a) seseorang anggota yang mewakili suatu organisasi media, anggota Lembaga itu hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan dengan organisasi media yang diwakilinya, atau apabila organisasi media yang diwakilinya itu tidak lagi menjadi pelanggan BERNAMA; dan”;

- (iii) dengan menggantikan subperenggan 4(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Tatacara yang berikut hendaklah diterima pakai bagi mengisi kekosongan dalam Lembaga yang timbul daripada apa-apa sebab yang disenaraikan dalam perenggan 3:

- (a) dalam hal anggota yang mewakili organisasi media, pelantikan bagi maksud mengisi apa-apa kekosongan hendaklah dibuat atas syor organisasi media yang wakilnya telah mengosongkan jawatannya; dan

- (b) dalam hal suatu kekosongan yang timbul disebabkan oleh organisasi media yang wakilnya diwakili dalam Lembaga tidak lagi menjadi pelanggan BERNAMA, organisasi media yang masih menjadi pelanggan BERNAMA hendaklah membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong.”; dan
- (iv) dalam subperenggan 5(4), dengan menggantikan perkataan “tuan punya surat khabar” dengan perkataan “organisasi media”; dan
- (b) dalam Bahagian II, dalam subperenggan 3(2), dengan menggantikan perkataan “sesuatu surat khabar, radio atau televisyen yang menjadi pelanggan” dengan perkataan “pelanggan”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta BERNAMA 1967 (“Akta 780”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 780 untuk memasukkan takrif “organisasi media” ke dalam Akta 780 yang ditakrifkan sebagai mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti penyebaran berita atau bahan berita melalui surat khabar, penerbitan, radio, televisyen, atau apa-apa bentuk komunikasi massa yang lain, termasuk platform elektronik atau digital.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 780 yang berhubungan dengan keanggotaan Lembaga Pengelola BERNAMA dengan menggantikan sebutan mengenai tuan punya surat khabar di Malaysia dengan sebutan mengenai organisasi media di Malaysia. Inisiatif ini bermatlamat untuk meluaskan keanggotaan Lembaga Pengelola BERNAMA dan untuk memastikan bahawa ia memasukkan dalam keanggotaan Lembaga bukan sahaja wakil daripada media cetak tradisional, seperti surat khabar, tetapi juga wakil daripada media platform elektronik dan digital. Peluasan ini akan menggalakkan pendekatan yang lebih inklusif, menunjukkan kepelbagaian landskap media di Malaysia pada hari ini.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 10(b) Akta 780 yang berhubungan dengan fungsi Majlis Penyeliaan BERNAMA dalam mempertimbangkan aduan yang mengatakan kegagalan atau keingkaran oleh BERNAMA untuk mematuhi mana-mana matlamat atau prinsip yang dinyatakan dalam Akta 780. Melalui pindaan ini, aduan itu boleh dikemukakan oleh mana-mana pelanggan BERNAMA dan tidak terhad kepada pelanggan surat khabar, radio atau televisyennya sahaja.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)(c) Akta 780 yang berhubungan dengan keanggotaan Majlis Penyeliaan BERNAMA. Buat masa ini, salah seorang anggota Majlis Penyeliaan ialah seorang wakil surat khabar di Malaysia. Dengan pindaan ini, keanggotaan Majlis Penyeliaan BERNAMA akan diperluas untuk memasukkan dalam keanggotaan itu seorang wakil daripada organisasi media di Malaysia yang merupakan pelanggan BERNAMA dan bukan sebaliknya seorang wakil surat khabar di Malaysia.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 Akta 780 yang berhubungan dengan pelanggan BERNAMA yang berhak membuat perkiraan untuk mendapatkan perkhidmatan BERNAMA. Dengan pindaan ini, kelas pelanggan BERNAMA diperluas untuk memasukkan dalam kelas pelanggan itu organisasi media, mana-mana institusi, badan, organisasi, individu atau mana-mana pelanggan lain yang dibenarkan oleh Lembaga.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 780 mengenai jaminan bagi perkhidmatan penuh oleh BERNAMA kepada pelanggannya berbangkit daripada peluasan kelas pelanggannya untuk termasuk organisasi media.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 780 yang berhubungan dengan peruntukan yang terpakai bagi Lembaga Pengelola BERNAMA dan Majlis Penyeliaan BERNAMA. Ini berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 3* dan *4* Akta yang dicadangkan berhubung dengan peluasan keanggotaan Lembaga Pengelola dan Majlis Penyeliaan kepada wakil organisasi media dan pengemukakan aduan mengenai BERNAMA oleh pelanggannya. Selain itu, fasal ini juga bertujuan untuk meminda peruntukan yang berhubungan dengan anggota Lembaga Pengelola yang mewakili Kerajaan Malaysia.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3390]